

PENYATA PENGERUSI

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, sukacita saya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Syarikat yang telah diodit bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember 1999.

ULASAN PRESTASI

Perolehan Syarikat pada tahun ini adalah sebanyak RM139.6 juta iaitu 3.2 peratus lebih tinggi daripada keputusan yang diperolehi pada tahun 1998. Peningkatan prestasi ini adalah disebabkan peningkatan pertumbuhan permintaan bagi pasaran tempatan dan juga eksport.

Keuntungan sebelum cukai yang direkodkan menunjukkan peningkatan sebanyak 7.2 peratus kepada RM8.24 juta berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Angka yang menggalakkan ini dibantu dengan sokongan pengguna kami yang setia dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pihak Pengurusan, Pentadbiran, Pengagihan dan Pengeluaran. Saya ingin mangambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat.



Produk utama kami iaitu, AJI-NO-MOTO Monosodium Glutamate, sekali lagi menjadi teras pertumbuhan dengan mencatatkan kenaikan sebanyak 4% penjualan berbanding tahun sebelumnya.

Prestasi produk-produk lain seperti TENCHO (perisa makanan asli), AJI-PLUS (perisa makanan berteraskan MSG bagi industri makanan) dan AJI-SHIO (perasa Garam, Lada dan Cili) adalah memberangsangkan.

Bagi meningkatkan kepelbagaiian produk kami, pihak syarikat telah memperkenalkan 2 variasi perencah

SERI-AJI iaitu "rempah gorengan serbaguna" dan perencah "ayam kukus". Kami akan meneruskan perancangan kami pada tahun 2000 untuk memperbaiki produk kami.

Syarikat kami telah menerima kelulusan untuk melanjutkan penggunaan Sijil Sistem Kualiti ISO 9002 bagi mengeluarkan produk kami yang bermutu - "Kualiti Yang Anda Boleh Yakini".

Kejayaan perlaksanaan terbaru kami iaitu sistem "Enterprise Resource Planning (ERP)" pada suku ke empat tahun 1999 telah menyelesaikan masalah pepijat alaf (Y2K) dan melengkap pihak syarikat dengan alat yang lebih cekap dari segi sistem operasi harian untuk membuat keputusan berdasarkan teknologi maklumat masa kini.



PROSPEK

Berdasarkan kepada petunjuk ang sedia ada tahun 2000 akan menyaksikan pemulihan dan peningkatan ekonomi dan "Keluaran Dalam Negara Kasar" (KDNK) dijangka akan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.8%. Ini merupakan satu petanda baik bagi pihak Syarikat. Walaubagaimanapun kami akan meneruskan kecemerlangan produk dengan usaha yang lebih agresif dalam peningkatan produktiviti dan kualiti.

Pihak Syarikat dijangka akan meneruskan prestasi pertumbuhan bagi tahun-tahun akan datang jika tiada aral melintang.

DIVIDEN

Ahli Lembaga Pengarah ingin mencadangkan dividen sebanyak 11 peratus kurang 28 peratus cukai bagi tahun berakhir 31 Disember 1999.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, saya ingin menyampaikan perhargaan saya kepada agen, pengagih, pembekal, rakan perniagaan dan pemegang saham kerana sokongan dan naungan mereka. Kami juga mengucapkan terima kasih

kepada pihak Pengurusan dan pekerja kerana dedikasi, kesetiaan dan komitmen mereka.

**GEN (B) TAN SRI HASHIM MOHD ALI
PENGERUSI**



AJI-NO-MOTO



SERI-AJI



AJI-SHIO & SESAME OIL



PAL SWEET & SLIM UP



BIRDY



AJI-MIX



TENCHO



AJI-PLUS



L-LYSINE & AMINA